

TERMA RUJUKAN

PROGRAM PEMBIAYAAN INSPIRASI SENI VISUAL CENDANA

GAMBARAN KESELURUHAN

Permohonan Dibuka	Tarikh Tutup Permohonan	Notis Pada Pemohon	Projek Akan Bermula
18 Ogos 2020	17 September 2020	27 Oktober 2020	Mulai November 2020 dan seterusnya

Apakah Program Pembiayaan Inspirasi Seni Visual CENDANA?

Program Pembiayaan Inspirasi Seni Visual CENDANA ("Program") menggalakkan dan menyokong seniman visual yang mempunyai pengalaman melebihi dua belas (12) tahun bagi meningkatkan keupayaan mereka sebagai seniman visual dengan memberi peluang kepada mereka dengan menyertai proses penerokaan kreatif dan lawatan penyelidikan untuk membantu dalam proses artistik mereka, dalam mana-mana bidang yang bersesuaian dengan karya seni mereka, di Malaysia atau Asia Tenggara selama tempoh sehingga dua (2) bulan. Permohonan daripada golongan seniwati visual sangat digalakkan dan keutamaan diberi kepada penyelidikan yang dijalankan di Malaysia.

Setelah selesai melalui **Program Pembiayaan Inspirasi Seni Visual**, pemohon dikehendaki mendokumentasikan perjalanan mereka melalui sebuah penerbitan¹ atau sebuah siri karya seni, yang boleh menghasilkan sebuah pameran mini dan pengaktifan berpotensi di Malaysia berdasarkan proses penerokaan kreatif dan penyelidikan mereka tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh tamat lawatan mereka.

Program Pembiayaan Inspirasi Seni Visual bercita-cita untuk menyokong ekosistem seni visual dari awal hingga akhir dengan menyokong proses penciptaan bagi seseorang seniman visual dan proses pembuatan pameran oleh kurator pilihan mereka di ruang² seni yang dipilih atau di platform digital.

Program Pembiayaan Inspirasi Seni Visual terutamanya menyokong:

- Proses penerokaan kreatif dan lawatan penyelidikan untuk membantu dalam proses artistik mereka, dalam mana-mana bidang kepentingan amalan seni mereka di Malaysia atau Asia Tenggara selama tempoh sehingga dua (2) bulan.
- Susulan berikutnya, penerbitan, pameran khas, dan/atau sesi perkongsian dengan orang ramai mengenai pengalaman penyelidikan mereka di Malaysia.

¹ Dalam bentuk katalog, buku, risalah atau portal web yang diiktiraf.

² Digunakan untuk pameran mini yang dianjurkan oleh pemohon.

TERMA RUJUKAN

Projek yang diusulkan mestilah mematuhi garis panduan sepertimana diperuntukkan di bawah Perintah Pergerakan Pemulihan, [pergerakan antara negeri](#), larangan berkumpul beramai-ramai yang ditetapkan oleh kerajaan negeri atau persekutuan atau dalam lingkungan yang ditentukan oleh Kerajaan untuk mis. penjarakan sosial, perhimpunan besar-besaran dan [prosedur operasi standard acara](#) (SOP).

Program pembiayaan CENDANA ini diperkenalkan untuk menyediakan dana kepada penggiat seni individu di Malaysia.

Sektor

Program ini menyokong projek-projek yang disebutkan dari sektor seni visual yang ditakrifkan seperti di bawah:

Seni Visual		
<ul style="list-style-type: none"> • Seramik • Lukisan • Catan 	<ul style="list-style-type: none"> • Arca • Cetakan • Fotografi 	<ul style="list-style-type: none"> • Seni Pemasangan • Seni Multimedia • Seni Digital

Apakah yang bakal dibiayai melalui Program Pembiayaan Inspirasi Seni Visual CENDANA?

Program Inspirasi Seni Visual menyokong setiap permohonan untuk proses penerokaan kreatif dan lawatan penyelidikan berjumlah sehingga RM15,000 dan seterusnya bagi keluaran projek susulan seperti penerbitan/pameran khas atau sesi perkongsian berjumlah sehingga RM 30,000. Kos-kos ini boleh melibatkan:

Penerokaan kreatif dan lawatan penyelidikan	
Perbelanjaan Layak	Perbelanjaan tidak layak
<ul style="list-style-type: none"> • Pengangkutan pergi balik (darat* dan udara) • Pengangkutan darat • Pengangkutan pergi balik lapangan terbang • Kos honorarium untuk kolaborator • Bahan untuk membantu proses penyelidikan (contohnya buku lakar, arang, dakwat) • Penginapan • Elaun harian** 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembelian peralatan (contohnya komputer riba, pencetak, kamera, dan lain-lain) • Bahan mentah seperti 35mm filem gulung, easel, meja percetakan skrin sutera dan lain-lain

* Jarak perjalanan boleh dituntut pada RM0.80 setiap kilometer dari tempat kediaman ke destinasi.

** Elaun hanya untuk tempoh perjalanan di RM40 sehari di Malaysia dan USD20 sehari di Asia Tenggara.



TERMA RUJUKAN

Pameran / penerbitan lanjutan	
Perbelanjaan Layak	Perbelanjaan tidak layak
<p><u>Projek yang mungkin berlaku di ruang seni</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Sewa tempat/ruang• Yuran seniman dan kos bahan• Kos pemasangan dan nyahpasang kerja seni• Kos pementakan karya seni• Kos logistik karya seni• Bayaran kuratorial dan penulisan• Kos publisiti dan pemasaran (contohnya mencetak katalog pameran, yuran pereka, dan lain-lain)• Penyewaan sistem PA, projektor dan mikrofon• Yuran kakitangan sokongan (spt. pembantu bengkel, pembantu dll)• Kos fotografi dan videografi <p><u>Projek yang mungkin dijalankan di platform digital</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Kos pengimbasan resolusi tinggi• Kos rekaan dan pembangunan laman web (contohnya pereka web, penulis iklan, ilustrator)• Bayaran kuratorial dan penulisan• Kos publisiti dan pemasaran (contohnya yuran rekaan e-katalog pameran, iklan digital termasuk Facebook/Instagram dan lain-lain)• Kos fotografi dan videografi• Kos pembangunan dan pengeluaran kandungan untuk seni media digital (contohnya penyuntingan grafik gerakan, penyuntingan video, animasi 3D) <p>Catatan: Bayaran mestilah berpatutan dan berdasarkan kadar pasaran purata. Permohonan untuk kadar profesional perlu disokong oleh pengalaman dan latar belakang industri mereka. Semua bayaran yang diminta akan memerlukan serahan profil dan kerja sokongan yang relevan.</p>	<p><u>Projek yang mungkin berlaku di ruang seni</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Perbelanjaan perjalanan (spt. petrol, tol, jarak tempuh)• Elaun harian• Kos katering (makanan dan minuman)• Alat tulis dan elektronik (tablet, komputer riba) <p><u>Projek yang mungkin berlaku di platform digital</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Kos domain web• Kos pengeksporan web• Kos sijil SSL (Secure Sockets Layer)• Kos Pengoptimuman Enjin Carian• Perisian seni digital (contohnya Adobe Creative Cloud seperti Photoshop, Illustrator, InDesign, Dreamweaver)• Perisian grafik atau perisian penyuntingan video (contohnya MadMapper, Isadora Troikatronix, HeavyM, Resolume Arena)• Kos penyimpanan awan (contohnya iCloud, Dropbox)• Apa-apa jenis alat simpanan (contohnya pemacu kilat USB)

TERMA RUJUKAN

Nota tentang garis panduan transaksi pembayaran

Sila ambil maklum bahawa penerima pembiayaan yang berjaya tidak boleh terlibat dengan sebarang transaksi pembayaran dengan mana-mana pihak berkaitan yang boleh menyebabkan sesuatu tuntutan gagal. Bagi tujuan peruntukan ini, terma “pihak berkaitan” bermaksud tidak terhad kepada syarikat/ organisasi milik penuh dan/atau berkaitan dengan penerima pembiayaan pada asasnya Pemohon tidak boleh membayar pembiayaan kepada diri sendiri.

Siapakah yang layak memohon Program Pembiayaan Inspirasi Seni Visual CENDANA?

- Warganegara Malaysia dengan pengalaman profesional dan portfolio pekerjaan selama dua belas (12) tahun yang mencukupi untuk menunjukkan bahawa mereka terlibat secara aktif di dalam sektor visual seni Malaysia.
- Telah mengadakan sekurang-kurangnya tiga (3) pameran solo di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
- Pernah menerima pengiktirafan nasional atau antarabangsa tentang anda dan karya anda melalui penerbitan atau persembahan awam, yang menunjukkan anda mempunyai penerbitan yang signifikan mengenai anda dan karya seni anda, melalui galeri, muzium atau rumah penerbitan.
- Tidak diwakili oleh mana-mana galeri komersial.
- Seniman visual yang mempunyai pekerjaan sementara atau tetap (pensyarah, pentadbiran seni, profesion lain) yang ingin kembali kepada penghasilan kreatif daripada rutin harian mereka dengan mencipta dan mempamerkan karya seni mereka secara aktif.
- Permohonan mesti dinyatakan dengan sebab-sebab untuk proses penerokaan kreatif dibiayai bersama-sama lokasi lawatan penyelidikan dengan garis masa penciptaan karya seni dan tarikh untuk mengemukakan projek susulan seperti penerbitan atau pameran khas.
- Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang pameran terakhirnya terjejas kerana COVID-19 dan/atau diadakan pada tahun 2017 atau sebelumnya.
- Keutamaan akan diberikan kepada seniwati visual.
- Keutamaan akan diberikan kepada penyelidikan yang dilaksanakan di Malaysia.

Projek yang dicadangkan mesti mempunyai manfaat pembangunan yang penting bagi golongan seniman visual di Malaysia, membawa seni berkualiti tinggi kepada penonton.

TERMA RUJUKAN

Memandangkan terdapat persaingan yang tinggi terhadap pembiayaan seni dan sumber yang terhad, CENDANA akan memberi keutamaan kepada cadangan projek baru berbanding projek berulang yang serupa yang pernah dibiayai sebelum ini.

Siapakah yang tidak layak memohon Program Pembiayaan Inspirasi Seni Visual CENDANA?

CENDANA tidak akan dapat menyokong permohonan anda jika:

- i. Kumpulan/Organisasi:
 - diwujudkan untuk tujuan bukan sekular;
 - kini menerima dana di bawah mana-mana program pembiayaan CENDANA;
 - yang masih di dalam proses penilaian/ mempunyai laporan penilaian yang masih belum diserahkan berkaitan program pembiayaan sebelum ini kepada CENDANA;
 - telah dibiayai oleh CENDANA dalam tempoh masa tiga (3) tahun berturut-turut.

- ii. Cadangan Projek yang:
 - telah bermula sebelum permohonan dibuat atau sebelum selesai proses penilaian bagi permohonan pembiayaan CENDANA ini;
 - tidak mempunyai komponen seni yang jelas, termasuk projek yang jelas bertujuan untuk mempromosikan isu-isu keagamaan;
 - Program-program yang tidak dapat menunjukkan usaha yang jelas dalam memberi manfaat kepada artis atau pengkarya/ pengamal seni;
 - aktiviti yang tidak termasuk di dalam bidang/ sektor mandat CENDANA;
 - yang bertujuan khusus untuk tujuan akademik atau dibentangkan di bawah naungan mana-mana sekolah atau institusi pengajian tinggi dan merupakan sebahagian daripada kurikulumnya;
 - Program yang diadakan di tempat keagamaan;
 - Aktiviti yang tidak bertujuan untuk kepentingan awam;
 - (yang mana berkenaan) tidak dapat memperolehi lesen dalam pasaran yang berkaitan (Cth: majlis perbandaran tempatan atau kelulusan PUSPAL).

Apakah yang kami cari di dalam permohonan anda?

Pemohon akan dinilai berdasarkan kriteria berikut serta kekuatan bahan sokongan yang diserahkan:

Profil

- Adakah pemohon mempunyai rekod prestasi yang mencukupi untuk projek / kerja masa lalu?
- Adakah pemohon menunjukkan bahawa mereka mempunyai kemampuan untuk menyampaikan cadangan projek tersebut?
- Adakah pemohon menunjukkan penglibatan aktif dalam sektor seni seni visual?

Cadangan

- Adakah projek / program yang dicadangkan telah dijelaskan dengan jelas?

TERMA RUJUKAN

- Adakah projek / program diusulkan asli / bercita-cita tinggi / mengambil risiko / bersifat eksperimental / inovatif?
- Adakah projek tersebut dapat menyumbang kepada kepelbagaian sektor seni Malaysia?
- Adakah projek / program dapat mewujudkan akses yang lebih meluas terhadap sektor seni visual?

Perancangan

- Adakah pemohon menunjukkan bahawa mereka mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan projek yang dicadangkan itu?
- Adakah pemohon telah memberikan perincian yang mencukupi di dalam anggaran bajet dan garis masa yang telah dicadangkan?
- Adakah pemohon telah memberikan maklumat yang cukup terperinci mengenai rancangan pemasaran dan promosi mereka?

Sumbangan terhadap Sektor Seni Malaysia

- Adakah projek / program menyumbang ke arah pengembangan dan peningkatan dunia seni / seni visual Malaysia? (ini boleh dijelaskan melalui inisiatif untuk menangani jurang dalam industri, pengembangan amalan seni visual, mewujudkan peluang di dalam sektor ini dan banyak lagi)
- Adakah projek / program menunjukkan kemungkinan untuk membangun dan mengembangkan jaringan, mengembangkan pasaran baru atau mewujudkan akses terhadap seni?
- Bersesuaian dengan matlamat CENDANA, adakah projek ini mewujudkan peluang pekerjaan, peningkatan profil seni atau pembangunan untuk semua pihak yang terlibat?

Apakah yang akan mempengaruhi permohonan anda?

Permohonan yang tidak memiliki dokumentasi yang mencukupi setelah diserahkan akan mengakibatkan permohonan tersebut sebagai tidak lengkap dan mungkin tidak akan dimajukan untuk dinilai. Senarai dokumen yang diperlukan:

Jenis Permohonan
<p>Memohon sebagai Individu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Salinan Kad Pengenalan (IC) MyKad - salinan gambar belakang dan depan yang jelas pada halaman A4 yang sama.
Dokumen sokongan
<ul style="list-style-type: none"> • Profil seniman visual dan kenyataan artistik; • Rekod pameran yang lepas dan penerbitan mengenai anda dan hasil kerja anda; • Cadangan projek yang juga termasuk sebab-sebab tujuan pembiayaan dan lokasi cadangan; • Garis masa/jadual /aktiviti projek; • Lembaran bajet; • Sebarang bahan sokongan lain yang berkaitan dalam format digital (jika berkaitan) seperti imej visual, video, pautan web dll.

TERMA RUJUKAN

Apakah yang diharapkan daripada pemohon yang berjaya dan keperluan pelaporan?

Harapan dari Pemohon yang Berjaya
<ul style="list-style-type: none"> • Menyampaikan projek seperti yang dikemukakan dalam kertas cadangan yang diluluskan; • Sentiasa berhubung dengan CENDANA untuk mengemaskini kemajuan projek atau sekiranya terdapat perubahan dalam skop kerja yang dicadangkan; • Untuk meletakkan jenama CENDANA di dalam semua platform komunikasi seperti logo³ CENDANA di dalam semua platform publisiti dan pemasaran untuk semua projek yang disokong; • Untuk memastikan semua baucar pembayaran, invois dan resit untuk perbelanjaan projek disimpan sebagai bukti bayaran yang perlu diserahkan kepada CENDANA. Kegagalan untuk menyediakan dokumen sokongan yang diperlukan boleh menjejaskan jumlah pemberian dana.
Keperluan Pelaporan
<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Akhir Projek dan Tinjauan Pemantauan CENDANA - perlu diserahkan dalam masa dua puluh satu (21) hari bekerja dari tarikh pemberitahuan siap projek (templat / borang yang disediakan oleh CENDANA); • Menyediakan ringkasan perbelanjaan projek dan dokumen pelaporan lain yang relevan seperti yang dikehendaki oleh CENDANA; • Untuk mengemukakan bentuk pengesahan lain - bahan aktiviti tambahan seperti video, foto dan bahan-bahan pemasaran (jika ada).

Bagaimanakah anda boleh memohon Program Pembiayaan Inspirasi Seni Visual CENDANA?

- Anda boleh mengemukakan permohonan pembiayaan melalui sistem pengurusan geran di atas talian; CENDANA di www.cendana.com.my . Penyerahan yang dibuat melalui cara lain, seperti melalui e-mel, salinan asal, akan **TIDAK** akan diterima.
- Permohonan, templat Bajet, Cadangan, dan Garis Masa telah disediakan di dalam sistem.

Kesemua dokumen yang dinyatakan diatas **WAJIB** menggunakan contoh/borang yang disediakan oleh CENDANA.

Siapa yang boleh anda hubungi jika anda mempunyai soalan?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, atau ingin bertanyakan dengan lebih lanjut mengenai permohonan anda secara terperinci, sila hantarkan email ke grants@cendana.com.my .

Apakah yang akan berlaku selepas anda menghantar permohonan?

- Apabila permohonan ditutup pada tarikh tutup yang diberikan, semua permohonan akan disemak untuk memastikan permohonan projek memenuhi kriteria kelayakan dan semua dokumen sokongan yang relevan telah dihantar.

³ Butiran dinyatakan dalam perjanjian.

TERMA RUJUKAN

- Semua permohonan dinilai secara bersama dan diluluskan melalui proses penilaian yang bersaing tinggi.
- Pemohonan yang menepati semua terma dan syarat akan proses penilaian yang seterusnya dimana akan dinilai oleh **Panel Penasihat Industri** CENDANA yang terdiri daripada penasihat industri, pakar dan pengamal seni, yang ditentukan melalui satu sistem berpandukan kriteria penilaian yang telah ditetapkan.
- Pemohonan yang mempunyai nilai markah tinggi kemudiannya akan dinilai dan diluluskan oleh **Pihak Pengurusan**.
- Semua maklumat dan kertas cadangan yang dikemukakan kepada CENDANA adalah peribadi dan sulit. Ahli panel CENDANA akan terikat dengan perjanjian untuk tidak mendedahkan sebarang maklumat dan perlu mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan sebelum menilai sebarang kertas cadangan.
- Keputusan penilaian akan dihantar melalui e-mel pengesahan dalam masa tidak lebih dari empat (4) minggu selepas tarikh tutup permohonan.

Bagaimanakah anda akan menerima pembiayaan?

- Sekiranya anda berjaya, anda dikehendaki menghadiri pertemuan secara bersemuka dengan pasukan CENDANA secara fizikal atau virtual (bergantung kepada lokasi kediaman anda) untuk mengesahkan terma dan syarat bagi geran bersyarat.
- Jumlah yang diluluskan untuk penyelidikan kreatif dan lawatan anda akan dibiaya dalam dua (2) peringkat. Dana akan dikreditkan ke akaun bank anda yang diiktiraf.
- Jumlah yang diluluskan bagi penerbitan atau pameran susulan anda akan dikeluarkan dalam dua (2) peringkat. Dana akan dikreditkan ke akaun bank anda yang diiktiraf.

Struktur Pembiayaan Inspirasi Seni Visual seperti di bawah:

1. Proses penerokaan kreatif dan lawatan penyelidikan untuk membantu dalam proses artistik mereka, di mana-mana bidang kepentingan amalan seni mereka, di Malaysia atau Asia Tenggara selama tempoh sehingga dua (2) bulan.

Selepas Menandatangani Perjanjian	Penyerahan Hasil Proses Penerokaan yang dicadangkan
Pembayaran Pertama (40% daripada jumlah yang diluluskan) setelah pelaksanaan Surat Perjanjian dalam masa 21 hari bekerja dan selepas mengemukakan kertas cadangan yang menggariskan hasil proses penerokaan kreatif dan lawatan penyelidikan.	Pembayaran akhir (baki 60% daripada jumlah yang diluluskan) dalam masa 21 hari bekerja selepas mengemukakan Laporan Projek serta cadangan yang menggariskan butiran termasuk kos dan bajet mengenai sesi pameran mini/ perkongsian susulan anda.

TERMA RUJUKAN

2. Penerbitan, pameran mini dan/atau sesi perkongsian susulan dengan orang awam dan potensi pengaktifan di dalam Kuala Lumpur/Lembah Klang mengenai pengalaman penyelidikan.

Selepas menandatangani Perjanjian	Laporan Tinjauan Ekonomi
Pembayaran Pertama (40% daripada jumlah yang diluluskan) setelah pelaksanaan Surat Perjanjian dalam masa 21 hari bekerja dan selepas mengemukakan kertas cadangan yang menggariskan hasil proses rancangan pengaktifan susulan selepas lawatan.	Pembayaran akhir (baki 60% daripada jumlah yang diluluskan) dalam masa 21 hari bekerja selepas penyerahan Laporan Projek dan Laporan Tinjauan Ekonomi CENDANA dilengkapkan.

- 40% daripada jumlah yang diluluskan akan diberikan selepas pelaksanaan Perjanjian Pembiayaan bagi Pemohon yang Berjaya untuk memulakan projek tersebut. Baki sebanyak 60% akan dibiaya selepas selesai projek.

Apakah yang akan berlaku selepas permohonan dinilai?

Pemohonan yang Berjaya

Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi dengan Surat Tawaran yang menyatakan:

- Jumlah dan tujuan Program Pembiayaan Inspirasi Seni Visual yang diluluskan;
- Terma & Syarat Program Pembiayaan Inspirasi Seni Visual;
- Matlamat pencapaian dan hasil projek yang perlu diserahkan.

Tawaran Program Pembiayaan Inspirasi Seni Visual akan **sah selama tiga puluh (30) hari** dari tarikh makluman melalui e-mel yang dihantar. Jika anda tidak menerima tawaran dalam tempoh ini, tawaran itu akan luput.

Pemohonan yang tidak berjaya

Pemohon yang tidak berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi dalam tempoh pemberitahuan yang sama.

Rayuan

CENDANA tidak akan menerima sebarang rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

TERMA RUJUKAN

NOTA BERKAITAN GARIS PANDUAN PROGRAM PEMBIAYAAN INSPIRASI SENI VISUAL CENDANA

Disamping mempromosikan dan membangunkan seni untuk masa depan Malaysia, sebagai agensi yang mengagihkan dana awam sejajar dengan dasar Kerajaan, CENDANA harus mengutamakan cadangan yang **tidak**:

- Menghina atau merendahkan seseorang, kumpulan atau kelas individu berdasarkan bangsa atau agama, atau dilaksanakan untuk mewujudkan konflik atau salah faham dalam masyarakat berbagai budaya dan agama;
- Mengganggu keamanan atau kestabilan negara.

CENDANA berhak membatalkan sebarang permohonan sekiranya terdapat:

- Perubahan skop projek tanpa memberitahu dan mendapatkan kelulusan dari CENDANA;
- Merendahkan atau merosakkan reputasi CENDANA secara langsung atau tidak langsung;
- Tidak dapat melengkapkan projek itu mengikut cadangan yang dikemukakan;
- Melanggar terma dan syarat yang dinyatakan dan dipersetujui dalam Perjanjian Program Pembiayaan.

TENTANG CENDANA

Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan (CENDANA) dilancarkan pada 6 September 2017 untuk membentuk ekonomi kebudayaan yang megah, mampan dan bercita-cita tinggi untuk Malaysia, disamping meningkatkan profil seni dan budaya Malaysia dalam membentuk identiti Malaysia sebagai destinasi seni yang strategik di peringkat global. Disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn Bhd (syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) dan melapor kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cendana.com.my.